

Minda kelas pertama perlu azam kuat

SH 8/4/10 mls TS



● Aziz (tengah) bergambar dengan sebahagian penerima anugerah pada Majlis Anugerah Dekan FST Semester Julai 2009/2010 di Dewan Syed Jaluddin.

MENGABANG TELIPOT – Penuntut institut pengajian tinggi (IPT) perlu meletakkan modal insan bermutu tinggi sebagai keperluan dalam usaha mempersiapkan diri berada dalam organisasi dan misi negara.

Timbalan Dekan Akademik dan Hal Ehwal Pelajar (HEP) Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Profesor Madya Dr Aziz

Ahmad berkata, pembangunan modal insan perlu kepada minda kelas pertama.

“Minda kelas pertama secara mudah difahami sebagai ciri-ciri modal insan yang mampu memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

“Ciri itu merangkumi aspek penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif, kekayaan moraliti, buda-

ya menyumbang untuk kepentingan bersama dan pembangunan bersifat holistik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Anugerah Dekan FST Semester Julai 2009/2010 di Dewan Syed Jaluddin, di sini.

Sehubungan itu, dalam merealisasikan misi berkenaan ia perlu dimulakan

dengan keazaman kuat seterusnya membudayakan agenda terabit dalam kehidupan seharian.

“Kita tidak hanya memandang kepada pembangunan fizikal semata-mata sebagai ukuran kemajuan sesebuah IPT, tetapi turut disertai dengan kekayaan mentaliti.

“Selain itu kekayaan moral juga sangat penting

meliputi aspek akhlak mulia, nilai murni, integriti dan iltizam tinggi.

Justeru, sama-samalah memantapkan diri dengan azam baru dan kesediaan untuk mempersiapkan diri ke arah minda kelas pertama,” katanya.

Sementara itu, seramai 304 pelajar Tahun Satu hingga Empat daripada sembilan program FST diraikan pada majlis Anugerah Dekan itu.

